

21 JUN 1998

Anwar-Sokongan

ANWAR ULANGI SOKONGAN TERHADAP MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini sekali lagi menyatakan sokongan penuhnya kepada kepimpinan Presiden parti dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau juga berkata adalah tidak benar bahawa terdapat perbezaan prinsip antara beliau dan Dr Mahathir dalam segi mengendalikan ekonomi negara.

Anwar, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, berkata segala keputusan dalam apa-apa perundingan termasuk berhubung soal ekonomi dibuat secara bersama.

"Kalau ada perbezaan pendapat, ketua kita satu, nakhoda kita satu iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan saya dukung pendirian (beliau) sepenuhnya," katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno di sini.

Anwar berkata Umno harus bersatu dan menghantar mesej yang jelas kepada semua bahawa parti itu berdiri teguh dalam satu saf di belakang pimpinan Dr Mahathir.

Media asing sering memberikan gambaran bahawa wujud jurang perbezaan antara Dr Mahathir dan Anwar dalam usaha menangani kegawatan ekonomi negara.

"Kita harus menerima bahawa perbezaan pendapat itu boleh, kita bincang, kita ambil keputusan, satu azam, kita ada satu ketua dan kita jalankannya dengan Tawakalallah," katanya dan menambah bahawa ini bukan bermakna beliau tiada kebebasan menyuarakan pendapat.

Anwar berkata ini sesuai dengan amalan sebuah parti yang demokratik dan dengan nada berseloroh berkata: "Kalau mahu satu aliran sahaja, kena tubuhkan parti tenteralah dan Syed Hamid (Albar, Menteri Pertahanan) boleh jadi ketua."

Anwar turut mengambil peluang menjelaskan salah anggap sesetengah pihak berhubung kenyataan beliau dan Dr Mahathir yang dikatakan tidak sehaluan dalam beberapa insiden seperti yang berlaku pada mesyuarat Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa di Hong Kong September tahun lepas.

"Kadang-kadang ucapan saya ditafsirkan berbeza-beza...saya harus akui bahawa ucapan-ucapan saya tidak pernah berniat untuk menyentuh dan mempertikai kewibawaan kepimpinan parti," katanya.

Anwar berkata yang penting sekarang ialah UMNO dan kerajaan memberikan tumpuan kepada soal perpaduan dan budaya parti serta usaha memulihkan ekonomi.

Beliau turut menceritakan pengalamannya ketika ditanya pemberita asing mengapa beliau tidak mencabar kepimpinan Dr Mahathir kerana kononnya terdapat sokongan dalaman yang kuat yang memungkinkan beliau menang.

Kata Anwar: "Saya menjawab, pertama bagi saya Dr Mahathir adalah pemimpin saya. Saya telah berikrar secara terbuka, saya sokong dan taat setia kepada dia.

"Yang kedua, saya jawab kita perlu satu semangat dan pasukan yang cukup padu dan bersatu, dan Umno tidak boleh membiarkan ada usaha untuk meretakan perpaduan kita."

Katanya, beliau juga ditanya sama ada beliau bersetuju sepenuhnya dengan Dr Mahathir, dan jawapan yang diberikan ialah: "Sudah tentu tidak. Saya terima dia sebagai ketua dan dia tidak harap saya setuju 100 peratus dengannya."

Dengan nada berjenaka, Anwar berkata: "Dia naik kuda, saya naik jet ski, dia suka bukit bukau, saya suka ombak laut."

Malaysia, kata Anwar, harus menjadi sebuah negara merdeka dan berdaulat yang bebas menentukan dasarnya sendiri.

"Negara biar kecil, biar sedikit miskin tetapi mempunyai maruah dan pimpinan yang sanggup mempertahankan maruah negara. Apa ertinya pemimpin hebat, negara senang tetapi semua menjadi boneka asing," katanya.

Mengenai agenda Melayu, Anwar berkata, kerajaan akan terus mengutamakan pembangunan Melayu walaupun menghadapi kegawatan ekonomi termasuk dengan menyediakan lingkaran keselamatan sosial.

"Kita menyatakan bahawa program sosial, pendidikan, kesihatan, pembangunan luar bandar, pertanian dan pembasmian kemiskinan harus dijaga," katanya.

Menyentuh sebuah buku yang memburuk-burukkan beliau, Anwar meluahkan perasaannya menerusi pantun berbunyi:

Anak Melaka menjerat merbah,
Jerat dipasang di tengah kebun;
Setia saya tak pernah berubah,
Hanya orang menabur racun.

Ada saudagar pergi ke kebun,
Singgah ke kedai membeli cili;
Baik-baik menabur racun,
Salah silap tertelan sendiri.

-- BERNAMA
MAM RAZ NMO